

***SULIT**

SULIT*

JABATAN PELAJARAN NEGERIKELANTANJABATAN PELAJARAN NEGERIKELANTANJABATAN PELAJARAN NEGERIKELANTAN

900/1



PERCUBAAN STPM 2012

N TANJABATAN PELAJARAN NEGERIKELANTAN
EGERIKELANTAN PELAJARAN NE
KELANTAN JABATAN PELAJARAN NEGERIKELANTAN
NEGERIKELANTAN JABATAN PELAJARAN NEGERIKELANTAN
JABATAN PELAJARAN NEGERIKELANTAN
TANJABATAN PELAJARAN NEGERIKELANTAN
LANTANABATAN PELAJARAN NEGERIKELANTAN
RJABATAN PELAJARAN NEGERIKELANTAN
NTANJABATAN PELAJARAN NEGERIKELANTAN
ELANTAN JABATAN PELAJARAN NEGERIKELANTAN
NEGERIKELANTAN JABATAN PELAJARAN NEGE
ANNEGERIKELANTAN JABATAN PELAJARAN NEGERIKELANTAN
AJARANNEGERIKELANTAN JABATAN PELAJARAN NEGERIKELANTAN
N

PENGAJIAN AM

KERTAS 1 (ANEKA PILIHAN)

(Dua jam)

SEKTOR PENGURUSAN AKADEMIK

JABATAN PELAJARAN NEGERI KELANTAN

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN

Ada enam puluh soalan dalam kertas ini. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang betul dan tandakan jawapan itu pada Kertas Jawapan Aneka Pilihan yang berasingan.

Jawab semua soalan. Markah tidak akan ditolak bagi jawapan yang salah. Jumlah markah anda dalam peperiksaan kertas ini ialah bilangan soalan yang dijawab dengan betul

Kertas soalan ini terdiri daripada 20 halaman bercetak.

© Jabatan Negeri Kelantan 2012

STPM 900/1

*Kertas soalan ini **SULIT** sehingga peperiksaan kertas ini tamat

**[Lihat Sebelah
SULIT***

***SULIT**

1.

- Meningkatkan mutu perkhidmatan .
- Mengurangkan beban kewangan kerajaan.

Penyataan di atas merujuk kepada

- A. Dasar Penswastaan
- B. Dasar Persyarikatan
- C. Dasar Peningkatan Daya Pengeluaran Negara
- D. Dasar Pengurangan Beban Perbelanjaan Awam

2. Antara berikut, yang manakah matlamat perlaksanaan Model Ekonomi Baru (MEB)

- I Meningkatkan kemampuan sumber tenaga dalam bidang bioteknologi
 - II Meningkatkan keberkesanan penyampaian dalam perkhidmatan awam
 - III Meningkatkan pemeliharaan dan perpaduan dalam kepelbagaiannya kegiatan ekonomi
 - IV Meningkatkan daya saing dan produktiviti bagi membolehkan eksport negara menenbusi pasaran antarabangsa.
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

3. Yang manakah benar tentang Rangka Rancangan Jangka Panjang ke 3 (RRJP3)?

- A. Membangunkan sektor perlombongan
- B. Melancarkan Pelan Induk Perindustrian
- C. Meneruskan Pembangunan Tanah dan Wilayah
- D. Membangunkan ekonom berasaskan pengetahuan

4.

- Membina kemampuan sumber tenaga yang mesra alam
- Menghasilkan ubat yang berkesan daripada sumber asli

Objektif di atas merujuk kepada

- A. Dasar peningkatan Daya Pengeluaran Negara
- B. Dasar Bioteknologi negara
- C. Dasar Perindustrian Negara
- D. Dasar Perhutanan Negara

5. Yang manakah kesan rangka Dasar Automotif Nasional?

- A. Penyekatan kemasukan kereta import
- B. Pengurangan bilangan kereta bermotor
- C. Peningkatan cukai eksport kereta nasional
- D. Penurunan cukai import ke atas kereta keluaran Negara ASEAN

***SULIT**

6. Antara berikut, yang manakah merujuk kepada Dsar Pengurangan Beban Perbelanjaan Awam ?
- I Mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara
 II Menggunakan sumber negara secara maksimum
 III Memperbaiki imbalan pembayaran negara dan mengawal inflasi
 IV Mengukuhkan kedudukan kewangan kerajaan selaras dengan sumber asli yang ada
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
- 7.
- | |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> • Membangunkan "K-Ekonomi" mengikut Pelan Induk Ekonomi Berasaskan Pengetahuan |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
- Yang manakah antara berikut berkaitan dengan pernyataan di atas?
- I Merapatkan jurang digital
 II Membangunkan sistem infrastruktur
 III Meningkatkan kadar pertumbuhan penduduk
 IV Mengadakan kawalan terhadap kemasukan pekerja asing tanpa izin
- A I dan II
 B I dan III
 C II dan IV
 D III an IV
8. Bidang Keberhasilan Utama (NKRA) telah mengenalpastikan enam bidang yang diberi keutamaan. Antara bidang tersebut ialah?

	Bidang 1	Bidang 2	Bidang 3
A.	Rasuah	Sukan	Jenayah
B.	Jenayah	Kemudahan asas	Telekomunikasi
C.	Pendidikan	Kemiskinan	Sistem pengangkutan
D.	Kemudahan asas	Telekomunikasi	Pendidikan

***SULIT**

9. Padanan manakah yang benar antara dasar dan objektifnya.

	Dasar	Objektif
I	Dasar kebudayaan Kebangsaan	Memupuk dan memelihara identiti Kebangsaan
II	Dasar Pendidikan Kebangsaan	Menyediakan tenaga kerja bagi memenuhi keperluan ekonomi
III	Dasar Sosial Negara	Menggalakkan penyertaan generasi muda dalam proses perancangan negara
IV.	Dasar Kependudukan Negara	Mencapai keseimbangan ekonomi antara bandar dan luar bandar

- A. I dan II
 B. I dan IV
 C. II dan III
 D. III dan IV
10. ‘ Rakyat Malaysia akan berfikir dan bertindak sebagai satu bangsa Malaysia ‘

Penyataan di atas merujuk kepada ?

- A. Rukun Negara
 B. Misi Nasional
 C. Dasar Kebudayaan Kerajaan
 D. Konsep 1 Malaysia
11. Yang manakah objektif Dasar Kependudukan Negara
- I Memperkuatkan pasukan keselamatan Negara
 II Meningkatkan kecekapan guna tenaga manusia
 III Memperluaskan pasaran barang dalam Negara
 IV Mengimbangi nisbah gender dalam kalangan penduduk
- A. I dan II
 B. I dan IV
 C. II dan III
 D. III dan IV
12. Antara berikut yang manakah merupakan objektif Dasar Warga Tua Negara?
- I Mengurangkan pembaziran tenaga kerja
 II Meningkatkan kehormatan dan martabat warga tua
 III Memajukan potensi warga tua agar terus aktif dan produktif
 IV Mengoptimun sumbangan warga tua dalam pembangunan Negara.
- A. I dan II
 B. I dan IV
 C. II dan III
 D. III dan IV

***SULIT**

13. Dasar luar Malaysia dipengaruhi oleh

- I Keadaan politik semasa
 - II Wawasan pemimpin Malaysia
 - III Pegangan ideologi negara serantau
 - IV Pertubuhan negara serantau yang dianggotai oleh Malaysia
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

14.

- | |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> ▪ Mengurangkan kemiskinan serta jurang pendapatan ▪ Membalik kualiti hidup di serata rantau ASEAN ▪ Bersatu dalam menghadapi isu ekonomi antarabangsa |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

Penyataan di atas merujuk kepada

- A. Komuniti Ekonomi ASEAN
- B. Projek Perindustrian ASEAN
- C. Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN
- D. Memorandum Persefahaman Pembangunan Serantau

15.

Negara	Isu
I Filipina	Kepulauan Spartly
II Indonesia	Isu Ambalat
III Thailand	Perebutan kuasa
IV Singapura	Pembuangan sisa toksik

Antara berikut, yang manakah isu yang melibatkan Malaysia dengan negara-negara ASEAN di atas ?

- A. I dan II
- B. I dan III
- C. II dan IV
- D. III dan IV

16. Yang manakah isu yang pernah disuarakan oleh Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB)?

- I Pelan kewangan antarabangsa
 - II Mewujudkan kawasan perdagangan bebas
 - III Penyusunan semula Majlis Keselamatan PBB
 - IV Menyokong tindakan ketenteraan ke atas Iraq pada tahun 2003.
- A. I dan II
 - B. I dan III
 - C. II dan IV
 - D. III dan IV

***SULIT**

17.

- | |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> ▪ Menggalakkan kerjasama ekonomi dan teknikal ▪ Menyediakan kemudahan perdagangan seperti cukai barang yang rendah |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

Penyataan di atas merujuk kepada peranan Malaysia

- Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC)
- Kerjasama Ekonomi Asia Timur (APEC)
- Rancangan Kerjasama dan Teknikal
- Pertubuhan negara-negara Asia Tenggara (ASEAN)

18.

- | |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> ▪ Merealisasikan Kerjasama Selatan-selatan ▪ Sidang kemuncak yang pertama diadakan di Kuala Lumpur pada tahun 1990 |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

Penyataan di atas merujuk kepada mesyuarat

- Kumpulan Lima Belas (G15)
- Pertubuhan Persidangan Islam (OIC)
- Pertubuhan Negara-negara komanwel
- Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM)

19. Yang manakah yang diperjuangkan oleh Malaysia untuk menangani isu-isu sosioekonomi antarabangsa?

- Beban hutang negara membangun disemak semula
- Negara-negara maju mengurangkan rintangan perdagangan
- Mewujudkan kesatuan ekonomi antara Malaysia dengan Eropah Timur
- Menjadikan Kerjasama Ekonomi Asia Timur sebagai blok perdagangan

- I dan II
- I dan III
- II dan IV
- III dan IV

20. Yang manakah merupakan tujuan isu Antartika ditimbulkan semasa sidang Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) pada tahun 1982?

- Antartika semakin diancam pencemaran
- Mengelakkan dijadikan kawasan penempatan tentera
- Bertentangan dengan Konvensyen Undang-undang Laut Bangsa-bangsa Bersatu
- Menggalakkan Negara Maju menggunakan bahan mentah yang sedia ada

- I dan II
- I dan III
- II dan III
- II dan IV


21. Yang manakah benar tentang ciri-ciri sebuah negara yang berdaulat ?
- I Mempunyai sempadan yang tertentu
 II Mempunyai sistem pemerintahan yang sistematik
 III Mempunyai ketua negara yang dilantik oleh rakyat
 IV Mempunyai hubungan diplomatik dengan negara maju
- A. I dan II
 B. I dan III
 C. II dan IV
 D. III dan IV
22. Yang manakah yang terletak di bawah bidang kuasa kerajaan persekutuan ?
- A. Rekod Purbakala
 B. Perkhidmatan Bomba
 C. Pemeliharaan Warisan
 D. Perlesenan panggung wayang
23. Antara berikut, yang manakah padanan yang tepat di antara cara untuk mendapatkan taraf kewarganegaraan I, II, dan III dengan padanan X, Y dan Z.

	Taraf kewarganegaraan		Pemohon
I	Kuatkuasa undang-undang	X	Seorang wanita rakyat Indonesia Suaminya seorang warganegara
II	Pendaftaran	Y	Lahir pada tahun 1970 di Kota Bharu, Kelantan
III	Pewarganegaraan	Z	Seorang doktor pakar dari negara India bekerja di Malaysia selama 10 tahun

	X	Y	Z
A.	III	I	II
B.	I	II	III
C.	III	II	I
D.	II	I	III

***SULIT**


24.



X merujuk kepada

- A. Unit Perancang Ekonomi
 B. Majlis Pembangunan Negara
 C. Unit Penyelarasan Pelaksanaan
 D. Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia

25.



Yang manakah berkaitan dengan D ?

- I Majlis Angkatan Tentera
 II Suruhanjaya Gaji Harun
 III Suruhanjaya Hak Asasi Manusia
 IV Suruhanjaya Siasatan PERWAJA
- A. I dan II
 B. I dan III
 C. II dan IV
 D. III dan IV
26. Antara berikut yang manakah benar tentang kuasa Yang Dipertuan Agong
- I Menolak pembubaran Dewan Rakyat
 II Pemerintah tertinggi angkatan tentera persekutuan
 III Ketua agama Islam untuk semua negeri di Malaysia
 IV Menjalankan tugas mengikut nasihat Jemaah Menteri tertakluk kepada perlembagaan
- A. I dan II
 B. I dan IV
 C. II dan III
 D. III dan IV

27. Dilantik oleh Yang Dipertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja.
- I Pengerusi Suruhanjaya Pilihan raya
 II Ketua Audit negara
 III Gabenor BankNegara
 IV Ketua Setiausaha Negara
- A. I dan II
 B. I dan III
 C. II dan IV
 D. III dan IV
28. Antara berikut, yang manakah merupakan Kumpulan Wang Persekutuan Yang Disatukan.
- I Cukai Jalan
 II Cukai Tanah
 III Hasil lombong
 IV Cukai pendapatan
- A. I dan II
 B. I dan IV
 C. II dan III
 D. III dan IV
29. Antara berikut yang manakah badan penyelarasan antara kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri yang tidak termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.
- I Majlis Tanah Negara
 II Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan
 III Mesyuarat menteri-menteri Besar dan ketua-ketua menteri
 IV Jawatankuasa Perhubungan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri
- A. I dan II
 B. I dan IV
 C. II dan III
 D. III dan IV
- 30.
- Majlis Tindakan Negeri
 - Jawatankuasa Keselamatan Negeri
 - Jawatankuasa Kerja Tindakan Negeri

Fungsi utama jawatankuasa-jawatankuasa di atas ialah

- A. Merangka pembangunan negeri
 B. Menyelaraskan pentadbiran peringkat negeri
 C. Menyelaras pentadbiran negeri dan persekutuan
 D. Menyelaraskan hal ehwal bencana dan pembangunan negeri

***SULIT**

31. Yang manakah merupakan kriteria pemberian geran oleh Kerajaan Persekutuan kepada Pihak kerajaan negeri?

- I Panjang jalan raya
- II Bilangan penduduk
- III Jumlah hasil kutipan
- IV Bilangan bangunan awam

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

32. Antara berikut, yang manakah terletak di bawah bidang kuasa negeri

- I Hukum Syarak
- II Syarikat kerjasama
- III Perpustakaan dan rekod purbakala
- IV Kawalan terhadap musuh tanaman

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

33.

- Papan tanda premis perniagaan
- Sewa tapak pasar Ramadhan

Penyataan di atas merujuk kepada tanggungjawab

- A. Pejabat Daerah
- B. Kerajaan Negeri
- C. Kerajaan Tempatan
- D. Kerajaan Persekutuan

34. Yang manakah antara berikut benar?


	Majlis Daerah	Majlis Perbandaran
A.	Ahli 8 – 12 orang	Ahli 8 – 24 orang
B.	Sumber kewangan kurang 10 juta setahun	Sumber kewangan melebihi 80 juta setahun
C.	Penduduk melebihi 100,000 orang	Penduduk melebihi 300,000 orang
D.	Diketuai oleh Yang Dipertua	Diketuai oleh Datuk Bandar

***SULIT**

35 Antara berikut, yang manakah merujuk kepada pejabat Setiausaha Persekutuan Cawangan Sabah dan Sarawak?

- I Merupakan jabatan negeri yang utama
 - II Menjaga kepentingan kakitangan awam persekutuan
 - III Memastikan penjagaan harta benda milik persekutuan
 - IV Membuat belanjawan Persekutuan Cawangan Sabah dan Sarawak
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

36.



Fungsi X merujuk kepada fungsi

- A. Ketua Majlis
 - B. Speaker Dewan
 - C. Setiausaha Dewan
 - D. Yang di-Pertuan Agong
37. Yang manakah benar tentang pembubaran Parlimen
- I Pembubaran adalah di bawah kuasa Perdana Menteri
 - II Parlimen akan terbubar secara automatik setelah cukup 5 tahun
 - III Pembubaran Parlimen bermaksud keseluruhan Parlimen dibubarkan
 - IV Persidangan Parlimen yang baru mestilah diadakan dalam tempoh 120 hari selepas dibubarkan.
- A. I dan II
 - B. I dan III
 - C. II dan IV
 - D. III dan IV

38. Yang manakah merupakan situasi yang membolehkan petisyen pilihan raya dikemukakan?
- Kemenangan calon dikaitkan dengan rasuah
 - Berlakunya kekecohan di tempat pembuangan undi.
 - Tidak menyerahkan penyata perbelanjaan pilihan raya
 - Seorang calon bertanding lebih daripada satu kawasan parlimen.
39. Antara yang berikut yang manakah benar tentang Senator
- Pembubaran Parlimen akan menjaskan tempoh jawatan seorang senator
 - Yang di-Pertuan Agong boleh melantik senator bagi seluruh Malaysia atas nasihat Perdana Menteri
 - Seorang Senator yang dilantik sebagai menteri boleh menghadiri persidangan Dewan Rakyat
 - Tempoh perkhidmatan seorang senator boleh melebihi 2 penggal selagi diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV
40. Antara berikut, yang manakah benar tentang ahli Dewan Undangan Negeri?
- Ahli Dewan Undangan Negeri tidak boleh dilantik menjadi ahli Dewan Negara Serentak
 - Ahli Dewan Undangan Negeri mesti dilantik menjadi ahli Majlis Mesyuarat kerajaan Negeri
 - Saraan ditentukan oleh Dewan Undangan Negeri dan ditanggung oleh Kumpulan Wang Negeri Disatukan
 - Seseorang ahli Dewan Undangan Negeri boleh didakwa atas apa-apa yang dikatakannya di Dewan Undangan Negeri
- 41.
- En. Musa telah melihat satu kejadian pembunuhan ngeri
 - En. Musa bersedia untuk hadir ke mahkamah

Merujuk kepada pernyataan di atas, tindakan En. Musa membolehkan mahkamah mengeluarkan

- Writ
- Saman
- Sapina
- Harbeas Corpus

42. Yang manakah benar tentang Pesuruanjaya Kehakiman

- I Perlantikan dibuat oleh Perdana Menteri
 - II Pemecatan boleh dibuat oleh Ketua Hakim Negara
 - III Memiliki kekebalan yang sama seperti Hakim Mahkamah Tinggi
 - IV Mempunyai kuasa untuk menjalankan fungsi Hakim Mahkamah Tinggi
- A. I dan II
 - B. I dan III
 - C. II dan IV
 - D. III dan IV

43.

Kes Mahkamah
Encik X menuntut tunggakan sewa rumah satu tahun
berjumlah RM 40,000 daripada Cik Z.

Yang manakah benar tentang kes mahkamah antara Encik X dengan Cik Z di atas?

- I Kes ini mesti didakwa oleh Pendakwa Raya
 - II Encik X mesti mendapatkan writ terlebih dahulu
 - III Kes ini boleh dibicarakan di mahkamah Majistret
 - IV Encik X adalah plaintif dan Cik Z adalah defendant
- A. I dan II
 - B. I dan III
 - C. II dan IV
 - D. III dan IV

44.

- Kelakuan seorang hakim tidak boleh dibincangkan dalam mana-mana Parlimen
- Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi adalah berkuasa menghukum sesiapa yang melakukan apa-apa penghinaan terhadapnya

Peruntukan di atas menjelaskan tentang

- A. Kebebasan badan kehakiman
- B. Ketertinggian badan kehakiman
- C. Pengasingan kuasa badan kehakiman
- D. Prinsip badan kehakiman

***SULIT**

45.

- Perbicaraan dijalankan tanpa peguam
- Mendengar tuntutan sivil yang nilainya tidak melebihi RM3000.00

Penyataan di atas merujuk kepada

- A. Tribunal Khas
- B. Tribunal Timbang Tara
- C. Tribunal Tuntutan Pengguna
- D. Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah

46.

Che Rahmah merupakan seorang pekerja Syarikat Maju Jaya Sdn Bhd. Beliau mula bertugas pada 1 Januari 2011. Beliau diberi gaji RM5400 sebulan. Tiga bulan kemudian, setelah disahkan, beliau menerima kenaikan sebanyak RM600 sebulan. Atas usaha cemerlang, beliau diberi kenaikan gaji sebanyak RM300 sebulan selepas 6 bulan.

Berapakah purata pendapatan bulanan Che Rahmah pada tahun tersebut?

- A. RM5925.00
- B. RM5975.00
- C. RM6000.00
- D. RM6050.00

Soalan 47 dan 48 berdasarkan Jadual 2 di bawah.

Jadual 2 : Eksport Kasar Malaysia Mengikut Sektor Tertentu bagi Tahun 2000 dan 2005

Sektor	Jumlah Eksport Kasar (RM juta)	
	2000	2005
Pertanian	37,421	22,892
Perlombongan	52,321	26,877
Pembuatan	429,873	317,908
Lain-lain	14,175	5,593
Jumlah	533,790	373,270

(Dipetik dan diubahsuai daripada Dagangan Barang, 2000-2005)

47. Yang manakah benar tentang jadual di atas ?

- I Nisbah jejari yang digambarkan dalam bentuk carta pai berbanding ialah 1: 1.2
 - II Jumlah eksport kasar telah menurun sebanyak 30% pada tahun 2005 berbanding tahun 2000.
 - III Sektor perlombongan menunjukkan peratus penurunan eksport kasar yang paling tinggi antara tahun 2000 hingga tahun 2005.
 - IV Perbezaan sumbangan peratusan eksport kasar bagi pertanian antara tahun 2000 dengan tahun 2005 ialah 0.88%
- A. I dan II
 - B. I dan III
 - C. II dan IV
 - D. III dan IV

48. Sekiranya butiran eksport Malaysia bagi tahun 2000 dan 2005 digambarkan dalam bentuk carta pai berbanding, berapakah perbezaan bacaan sudut bagi sektor pembuatan?

- A. 4.6°
- B. 9.4°
- C. 16.7°
- D. 18.4°

***SULIT**

Soalan 49 berdasarkan Jadual 1 di bawah.

Jadual 1 : Kadar Pertukaran Ringgit Malaysia bagi Setiap Unit Mata Wang Asing

1 Unit Mata Wang Asing	Ringgit Malaysia pada Harga	
	Jualan	Belian
DOLAR AMERIKA	3.2580	3.2530
DOLAR AUSTRALIA	2.7139	2.7088
YEN JEPUN	3.6951	3.6890
DOLAR SINGAPURA	2.3253	2.3196

(<http://www.bnm.gov.my> / index.php)

49. Encik Shah baru pulang dari melancong ke empat buah negara, iaitu Singapura, Australia, Jepun dan Amerika. Beliau bercadang menukarkan lebihan mata wang negara tersebut kepada Ringgit Malaysia.

Mata Wang Asing	Jumlah nilai
Dolar Singapura	5 000
Dolar Australia	10 000
Yen Jepun	8 000
Dolar Amerika	15 000

Berapakah Ringgit Malaysia Encik Shah perolehi?

- A. RM12 626.95
- B. RM13 835.23
- C. RM116 993.00
- D. RM154 632.80

Soalan 50 dan 51 berdasarkan penyataan di bawah.

Sebuah mesin pencetak bernilai RM 100 000.00 susut nilai seperti di bawah:

Tahun pertama	: RM10 000.00
Tahun kedua	: RM9 000.00
Tahun ketiga	: RM8 100.00

50. Berapakah nilai susut mesin tersebut pada tahun ketujuh?
- A. RM5314.41
 - B. RM5500.00
 - C. RM5904.90
 - D. RM6561.00
51. Berapakah jumlah nilai susut mesin pada tahun ketujuh?
- A. RM47 500.00
 - B. RM47 829.69
 - C. RM52 170.31
 - D. RM52 500.00

Soalan 52 berdasarkan Jadual 2 di bawah

Jadual 2 : Keadaan Kemalangan di Malaysia dari Tahun 2002 hingga Tahun 2007

Tahun	Kes		Orang
	Jumlah Kemalangan	Kemalangan Maut	Kematian
2002	12 239	253	285
2003	12 165	207	241
2004	11 609	173	200
2005	13 442	211	233
2006	15 716	213	238
2007	15 911	202	225

Diubahsuai
daripada <http://mathed.utm.my/duniamatematik/index.php/2009>

52. Yang manakah benar tentang Jadual 3 di atas
- Keadaan kemalangan maut bergerak selari dengan kematian
 - Jumlah kemalangan sentiasa meningkat dari tahun 2002 hingga tahun 2007
 - Semua orang yang terlibat dengan kemalangan maut akan meninggal dunia.
 - Nisbah kemalangan maut dengan jumlah kemalangan pada tahun 2004 ialah 1: 67.1
- A. I dan III
B. I dan IV
C. II dan III
D. II dan IV
53. Encik Din mahu memasang jubin lantai yang berukuran panjang 0.5 meter dan lebar 0.5 meter. Ruang tamu rumahnya berukuran panjang 50 meter dan lebar 30 meter. Berapakah bilangan jubin yang diperlukan untuk menutupi seluruh ruang tamu rumah Encik Din?
- A. 1 500 keping
B. 2 500 keping
C. 3 000 keping
D. 6 000 keping
54. Encik Siva dan Encik Ali adalah pekerja binaan. Encik Siva boleh menyusun 250 biji bata dalam masa 100 minit dan Encik Ali pula mampu menyusun 40 biji bata dalam masa 20 minit. Jika mereka bekerjasama, berapa minitkah masa yang diperlukan oleh mereka untuk menyusun 180 biji bata?
- A. 40 minit
B. 60 minit
C. 72 minit
D. 90 minit

***SULIT**

55. Puan Farah dapat sampai ke destinasi dalam masa tiga jam jika memandu dengan kelajuan 95 km/jam. Jika dia memandu dengan kelajuan 75 km/jam dan bertolak pada jam 8.25 pagi. Pada jam berapakah Puan Farah akan sampai ke destinasi tersebut?
- 11.25 pagi
 - 11.33 pagi
 - 12.13 tengah hari
 - 1.13 petang

Soalan 56 berdasarkan Jadual 4 di bawah ini.

Jadual 4 : Kenderaan-Kenderaan Bermotor yang Berdaftar di Malaysia
pada Tahun 2009 dan Tahun 2010

Jenis Kenderaan	Peratus	
	Tahun 2009	Tahun 2010
1. Motosikal	48.60	48.09
2. Motokar	41.60	42.35
3. Kenderaan Barang	5.93	5.78
4. Kenderaan Lain	3.87	3.78
JUMLAH (Buah)	12 021 939	12 819 248

(Dipetik dan diubahsuai daripada *Buku Maklumat Perangkaan Malaysia* 2010, Jabatan Perangkaan Malaysia)

56. Antara berikut, yang manakah benar tentang Jadual 4 di atas?
- Bilangan motosikal meningkat
 - Bilangan kenderaan barang merosot
 - Bilangan motosikal lebih 40 kali ganda daripada bilangan kenderaan lain
 - Peratusan peningkatan motokar lebih tinggi berbanding dengan peratusan peningkatan motosikal
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

***SULIT**

57.

- Semua kayu boleh diukir.
- Sesetengah kayu berwarna neutral
- Semua rumah diperbuat daripada kayu

Yang manakah benar tentang kayu dan rumah ?

- I Semua papan boleh diukir
 II Semua papan boleh diukir dan berwarna neutral.
 III Semua papan diperbuat daripada kayu dan boleh diukir
 IV Semua rumah diperbuat daripada kayu dan berwarna neutral.
- A I dan II
 B I dan III
 C II dan IV
 D III dan IV

58.

- 5 pasukan rumah sukan, Wira, Waja, Satria, Putra dan Perdana sedang membuat perbarisan di atas padang.
- Pasukan Wira bersebelahan dengan Pasukan Putra dan selang satu pasukan dengan Pasukan Satria
- Pasukan Waja dan Pasukan Satria tidak berbaris bersebelahan

Kedudukan yang paling tepat untuk perbarisan tersebut adalah

- A. Satria, Perdana, Wira, Putra, Waja
 B. Wira, Putra, Satria, Waja, Perdana
 C. Satria, Perdana, Waja, Wira, Putra
 D. Putra, Wira, Waja, Satria, Perdana

Soalan 59 berdasarkan maklumat di bawah ini.

- Bilangan pelajar di dalam sebuah kelas ialah 30 orang, iaitu 12 orang pelajar lelaki dan 18 orang pelajar perempuan
- Dalam satu aktiviti pembelajaran, pelajar di dalam kelas itu dibahagikan kepada 3 kumpulan, iaitu Kumpulan A, Kumpulan B dan Kumpulan C.
- Setiap kumpulan terdiri daripada 10 orang yang semestinya mempunyai kombinasi lelaki dan perempuan.

59. Jika bilangan pelajar lelaki dalam kumpulan B adalah dua kali pelajar lelaki dalam Kumpulan A. Apakah kombinasi jantina dalam kumpulan C?

- A. 2 orang pelajar lelaki dan 8 orang pelajar perempuan
 B. 4 orang pelajar lelaki dan 6 orang pelajar perempuan
 C. 6 orang pelajar lelaki dan 4 orang pelajar perempuan
 D. 8 orang pelajar lelaki dan 2 orang pelajar perempuan

60. P, Q, R, S dan T ialah pekebun kecil tanaman buah jambu batu. Pada bulan Januari 2007, pengeluaran jambu batu adalah seperti berikut : Kebun T mengeluarkan 2 kali ganda buah jambu batu kebun S dan pengeluaran kebun S adalah 2 kali ganda kebun R. Pengeluaran kebun P adalah 3 kali ganda kebun R, pengeluaran kebun Q adalah purata kebun P dan kebun R. Jika jumlah pengeluaran mereka adalah 12 000 biji jambu batu, kebun manakah yang mengeluarkan 3000 biji jambu batu pada bulan itu?
- A. P
B. Q
C. R
D. T

PEPERIKSAAN PERCUBAAN STPM 2012

**SKEMA JAWAPAN
PENGAJIAN AM KERTAS 1**

NOMBOR SOALAN	JAWAPAN	NOMBOR SOALAN	JAWAPAN	NOMBOR SOALAN	JAWAPAN
1.	B	21.	A	41	C
2.	C	22.	B	42	D
3.	D	23	D	43	C
4.	B	24	C	44	A
5.	D	25	C	45	D
6.	D	26	A	46	A
7.	A	27	A	47	C
8.	C	28	B	48	C
9.	A	29	D	49	C
10.	D	30	B	50	A
11.	C	31	A	51	B
12.	C	32	B	52	B
13.	A	33	C	53	D
14.	A	34	A	54	A
15.	A	35	C	55	B
16.	B	36	D	56	B
17.	B	37	C	57	B
18.	A	38	A	58	A
19.	A	39	C	59	C
20.	C	40	C	60	A